

HAMDI ISHAK

Profesor Madya Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah,
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

HAJI ISHAK ABAS

Penggerak Pendidikan Islam



Bagi sesiapa yang memperoleh pendidikan secara formal di sekolah bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) pada tahun 1980-an hingga tahun 1990-an pasti dapat mengingati buku teks berkaitan dengan ilmu pengetahuan Islam seperti *Pengetahuan Islam* dan *Asas Pendidikan Islam*. Sesiapa yang mempelajari subjek Bahasa Arab juga pasti dapat mengimbau kembali buku *Qamus al-Jadid*. Buku-buku tersebut merupakan hasil tangan seorang tokoh yang kurang dikenali ramai dari segi paras rupanya, namun besar jasanya dalam bidang pendidikan Islam. Beliau ialah Haji Ishak bin Haji Abas.



Haji Ishak Abas merupakan seorang tokoh yang telah banyak memberikan sumbangan dalam bidang Pendidikan Islam. Beliau aktif dalam penulisan buku teks Pendidikan Islam, buku ilmiah dan kamus bahasa Arab pada era 1980-an hingga era 1990-an. Beliau juga terlibat memperjuangkan skim gaji guru agama di Malaysia pada tahun 1970-an. Di samping itu, beliau juga bergerak aktif dalam hal pengurusan koperasi dengan mengendalikan Koperasi Guru Agama Menengah Kelantan.

Haji Ishak Abas dilahirkan pada tahun 1933 di Kampung Sat, Bukit Remah, Tanah Merah, Kelantan. Beliau dididik dan diasuh dengan penuh pengawasan oleh kedua-dua ibu bapa daripada golongan petani yang berjiwa tinggi terhadap agama dan akhlak. Haji Ishak Abas dilahirkan dalam kehidupan yang mundur dari pelbagai segi terutamanya pendidikan, apatah lagi pusat pengajian tinggi atau universiti. Namun begitu, terdapat sekelompok masyarakat yang mempunyai kesedaran beragama dan kefahaman akidah Islam yang disebarikan melalui pengajaran tidak

formal di surau. Kesedaran ini memberikan peluang kepada Haji Ishak Abas untuk memperoleh pendidikan secara tidak formal.

Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Agama Rakyat di Tanah Merah, Kelantan sebelum melanjutkan pelajaran di Sekolah Menengah Arab Jamek Merbau al-Isma'ili (Maahad Muhammadi), Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1947, iaitu setahun selepas tamat Perang Dunia Kedua. Ketika berusia 18 tahun, iaitu pada Ogos 1954, satu peperiksaan kelayakan masuk ke Kolej Islam Malaya telah diadakan di seluruh negara. Haji Ishak Abas berjaya dipilih dan ditawarkan peluang belajar di Kolej Islam Malaya. Pada tahun tersebut, sebanyak 48 orang telah diterima sebagai kumpulan pertama yang mengikuti pengajian di kolej tersebut.

Haji Ishak Abas merupakan insan yang berpandangan jauh dan sentiasa proaktif dari segi merancang dan mengurus sesebuah organisasi.

Haji Ishak Abas mula mendaftar sebagai pelajar di Kolej Islam Malaya pada 23 Februari 1955, dan telah dianugerahkan Sijil Tertinggi Kolej Islam Malaya pada 2 September 1959. Beliau pernah menghadiri kursus Bahasa Arab Komunikasi dan Kebudayaan Islam di Universiti al-Malik Saud, Riyadh, Arab Saudi pada tahun 1983 dan Universiti Islam Antarabangsa

Malaysia (UIAM) pada tahun 1986. Kursus ini merupakan anjuran KPM dengan kerjasama Kerajaan Arab Saudi dan Universiti Islam Madinah.

Haji Ishak Abas mula berkhidmat sebagai guru di beberapa buah sekolah dan maktab perguruan di sekitar Kota Bharu dalam bidang Pendidikan Islam dan Bahasa Arab. Bermula dengan mengajar di Maktab Perguruan Kota Bharu (Julai 1959 – 1963), beliau kemudian berpindah ke Maktab Sultan Ismail (April 1964 – 1970), Sekolah Menengah Sultan Ismail (1970 – 1983), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Naim Lil Banat (1983 – 1988) sehinggalah bersara wajib pada Januari 1988.

Personaliti

Haji Ishak Abas merupakan seorang tokoh agama yang sangat aktif dan dihormati di Kelantan. Beliau aktif dalam penulisan ilmiah dan hal berkenaan dengan pengurusan koperasi. Dalam bidang penulisan, beliau

Buku Asas Pendidikan Islam (Tinggi)

Buku ini juga ditulis bersama-sama Haji Abdul Aziz Haji Omar bagi kegunaan sekolah menengah kebangsaan agama untuk tingkatan satu hingga tingkatan lima, dan juga merupakan buku keluaran Syarikat Dian Darul Naim.


Tafsir al-Quran Tingkatan 2

Buku ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan dijadikan sebagai buku teks di sekolah menengah kebangsaan bagi Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Buku ini mengandungi tafsir ayat daripada *Surah Ali 'Imran*, *Surah al-Nisa'* dan *Surah Yusuf*.

Tafsir al-Quran Tingkatan 4


Buku ini juga diterbitkan oleh DBP dan dijadikan sebagai buku teks di sekolah menengah kebangsaan bagi KBSM.

Buku ini ditulis bersama-sama Muhammad Mukhtar Syafiem Puteh Ishak dan Syarfian Abdul Halim. Buku ini mengandungi tafsir *Surah al-An'am*, *Surah al-Anfal*, *Surah al-Haj*, *Surah al-Mukminun*, *Surah Luqman*, *Surah al-Hujurat* dan *Surah al-Rahman*.



Qamus al-Jadid

Qamus al-Jadid diterbitkan oleh Syarikat Penerbitan Seri Kota pada tahun 1986 dan merupakan sebuah kamus mudah yang menjadi rujukan para pelajar di sekolah agama di Malaysia. Kamus ini amat popular dalam kalangan pelajar sekolah agama pada tahun 1980-an hingga tahun 1990-an. Kamus ini disusun mengikut susunan huruf hijaiyah Arab bagi memudahkan pelajar mendapatkan makna kalimah yang dikehendaki. Kalimah yang dimuatkan dalam kamus ini merupakan kalimah harian yang disesuaikan dengan keadaan tempatan di Malaysia.



Qamus al-Naim

Qamus al-Naim juga diterbitkan oleh Syarikat Penerbitan Seri Kota pada tahun 1986. Kamus ini mengandungi tiga bahasa, iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Kamus ini disusun mengikut pemikiran tempatan dengan memasukkan bahasa Inggeris bagi menambahkan kefahaman dan menjelaskan lagi maksud bahasa Melayu.

Qamus al-Munir

Qamus al-Munir merupakan kamus Arab – Arab yang juga diterbitkan oleh Syarikat Penerbitan Seri Kota. Kamus ini disusun mengikut pemikiran tempatan dengan memasukkan makna kalimah Arab berserta penerangan dalam bahasa Arab. Kamus ini agak unik kerana disusun oleh seseorang yang bukan berbangsa Arab.

Memahami Tajwid dan Tartil al-Quran

Buku ini diterbitkan oleh Penerbitan Seri Kota pada tahun 1989, serta mengandungi kaedah dan peraturan pembacaan al-Quran secara bertajwid dan tartil. Usaha ini bertujuan untuk mendekatkan pembaca dan masyarakat ke arah kesempurnaan dalam pembacaan al-Quran.

Raabitul 'Adawiyah (Satu Pertembungan)

Buku ini menyingkap sorotan hidup individu unggul untuk dijadikan tatapan dan penggerak minda pembaca ke arah usaha membentuk perilaku hidup yang unik. Kandungan buku ini disampaikan dalam bentuk olahan sastera bermesej ala novel.

Kesimpulannya, karya Haji Ishak Abas bukan sahaja memberikan panduan praktikal dalam hal beragama bagi pelajar sekolah, malah impaknya terserlah apabila lahirnya tokoh pada hari ini sama ada dalam bidang pengajian Islam, korporat ataupun perbankan Islam. Kebanyakan tokoh pada hari ini belajar menggunakan buku teks *Pengetahuan Islam*, *Asas Pendidikan Islam* dan *Qamus al-Jadid*. Kegigihan, ketekunan dan dedikasi beliau menggali ilmu dan seterusnya menyebarkan ilmu tersebut kepada khayalak menjadi jariah ilmu yang amat berharga. 🌟